

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.9

PENGISBATAN ANAK BULAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN ASTRONOMI

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Pengisbatan Anak Bulan Dari Perspektif Syariah Dan Astronomi Semasa berpandangan seperti berikut:

- i. Hukum melihat anak bulan melalui mata kasar dengan bantuan peralatan optik adalah **harus**;
- ii. Kenampakan anak bulan menggunakan teknik pengimejan adalah **diharuskan** dengan parameter yang ditetapkan oleh JAKIM melalui Garis Panduan / Tatacara Pensabitan Kenampakan Anak Bulan Menerusi Teknik Pengimejan;
- iii. Kenampakan anak bulan hendaklah memenuhi kriteria *Imkanur Rukyah*;
- iv. Bilangan saksi bagi pensabitan anak bulan hendaklah terdiri daripada seorang(1) saksi yang adil untuk anak bulan Ramadan dan dua(2) orang saksi bagi selain Ramadan. Manakala bagi teknik pengimejan hendaklah disaksikan oleh dua saksi Muslim yang adil; dan
- v. Kesaksian wanita diterima dalam kenampakan anak bulan.

Tarikh : 25 April 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (64)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Menteri Negeri Perak